

# Musa: Tiga aspek penting para pegawai kerajaan harus tahu

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KELUANG, Sabtu** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menggariskan tiga aspek penting yang harus diketahui dan disedari oleh pegawai Kerajaan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka:

■ Pertama, mereka perlu benar-benar memahami hasrat pucuk pimpinan yang ada sekarang.

■ Kedua, mereka perlu menerima konsep pentadbiran Kerajaan yang berasaskan fahaman hasrat rakyat dalam pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan Kerajaan.

■ Ketiga, mereka harus menjalankan tugas melaksanakan apa juga rancangan yang diatur oleh pihak atasan.

Beliau berkata, unsur-unsur ini penting bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, dan juga penting difahami dan diterima oleh rakyat jelata.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu demikian kepada para pemberita di sidang akhbar di Bilik Gerakan Pejabat Daerah, setelah menghadiri majlis taklimat lebih dua jam.

Beliau yang melawat Keluang sehari berlepas balik tengahari tadi.

Oleh **HARITH HASHIM**

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bahawa daerah Keluang tidak menghadapi masalah besar tetapi sistem pentadbiran sekarang perlu dipermodenkan supaya sesuai dengan keadaan semasa.

Beliau menjelaskan, projek-projek sistem maklum balas bagi daerah-daerah sekarang ini adalah sistem lama.

Katanya, pentadbiran sekarang perlu mengetahui masalah asas dan pokok mengikut rancangan Kerajaan Pusat.

Datuk Musa lalu mengingatkan pegawai Kerajaan di daerah ini, masanya akan tiba pentadbiran di peringkat daerah akan mengikut sistem komputer.

"Mungkin peringkat pusat tidak akan memulakan sistem komputer ini sekarang tetapi ia akan bertukar ke sistem komputer kelak.

"Peringkat pusat di Kuala Lumpur akan memulakan sistem komputer ini dan ini akan disusuli oleh peringkat negeri. Dan masanya akan tiba bagi peringkat daerah pula mendapat maklumat balas berasaskan sistem komputer," tambahnya.

Usaha ini juga untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah dan negeri dapat

melaksanakan tugas-tugas berorientasikan pemikiran mereka, psikologi dan persiapan sesuai dengan kehendak-kehendak jangka panjang dan komputer.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pentadbiran di peringkat daerah adalah sektor yang terpenting dalam mengatasi masalah-masalah pembangunan rakyat jelata.

Datuk Musa mengumumkan dua projek besar di daerah ini di bawah Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri.

Projek pertama — Unit Kawalan Keselamatan (UKK) di Kahang, 48 km dari sini berharga \$3.6 juta.

Kedua, penjara di Kampung Gajah berharga \$55 juta.

Datuk Musa berkata, penjara sekarang di Johor Baru akan dipindahkan ke Kampung Gajah di kawasan 350 ekar.

Mengenal hasrat Barisan Nasional merebut kembali kawasan Keluang dari tangan lawan, Datuk Musa berkata, tidaklah dapat dinafikan bahawa Keluang adalah kawasan tunggal bagi pihak pembangkang.

Tetapi, tegasnya, dari sambutan spontan yang diberikan kepadanya malam semalam dan kepercayaan rakyat kepada hasrat dan cita-cita kerajaan, beliau yakin mereka memberi sokongan kepada Kerajaan.